



*UPM akan terus meningkatkan usaha melahirkan graduan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pasaran kerja"*

**- Prof Datuk Dr Nik Mustapha R. Abdullah**  
Naib Canselor UPM

## 7,846 graduan terima ijazah

SERAMAI 7,846 graduan menerima ijazah dan diploma dalam majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-32 mulai 18 hingga 22 Oktober bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Penerima itu termasuk Ijazah Doktor Falsafah (Phd) seramai 176 orang; Ijazah Sarjana (1,037); Bachelor (6,132) dan Diploma seramai 501 penerima.

Konvokesyen UPM kali ke-32 juga menyaksikan Datuk Dr Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Komunikasi Kemanusiaan.

Canselor UPM yang juga Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj akan menyempurnakan pen-

ganugerahan Phd, Sarjana, Bachelor dan Diploma bagi graduan sesi pertama.

Majlis konvokesyen yang membabitkan 10 sesi turut disempurnakan Pro Canselor, Tan Sri Dr Nayan Ariffin bagi sesi kedua, kelima dan kelapan, manakala bagi sesi ketiga, keenam dan kesembilan ia disempurnakan Tan Sri Lim Ah Lek.

Tan Sri Rozali Ismail akan menyempurnakan majlis konvokesyen bagi sesi keempat, ketujuh dan kesepuluh.

Sultan Sharafuddin turut berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang anugerah peringkat universiti iaitu Pingat Emas Canselor, Anugerah Pelajaran Diraja, Pingat Emas Alumni dan Pingat Emas Yayasan Pak Rashid.

Sesi pertama membabitkan seramai 716 graduan, manakala

di sebelah petangnya pula 812 graduan menerima ijazah masing-masing.

Pada 19 Oktober iseramai 789 graduan menerima ijazah, manakala sesi keempat pula membabitkan 791 penerima.

Sesi kelima dan keenam yang bakal berlangsung pada 20 Oktober membabitkan masing-masing 784 dan 786 penerima. Pada 21 Oktober pula, seramai 797 graduan menerima ijazah mereka, manakala di sebelah petang menerusi sesi kelapan, seramai 784 graduan menerima ijazah dan diploma mereka.

Pada hari terakhir dua sesi berlangsung iaitu sesi kesembilan pada sebelah pagi membabitkan penganugerahan ijazah dan diploma kepada 790 penerima, manakala bagi sesi terakhir membabitkan 791 penerima.